

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PANDAN]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berdasarkan laporan “*Khazanah Research Institute*” pada Oktober 2020, jurang pendapatan di antara negeri-negeri masih ketara. Antara puncanya adalah kenaikan gaji yang tidak memberangsangkan serta ekonomi tatkala wabak COVID19. Apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan jurang pendapatan dikurangkan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia, fokus Kerajaan tertumpu kepada usaha untuk menangani jurang kekayaan dan pendapatan, merentasi wilayah termasuk negeri-negeri serta penduduk luar bandar dan bandar. Ini adalah penting supaya negeri-negeri kurang membangun dan golongan penduduk yang ketinggalan dapat dibawa bersama dalam arus kemajuan negara, nasib mereka terbela dan ekonomi mereka diperkasakan.

2. Penekanan Kerajaan juga selaras ke arah melaksanakan pembangunan secara lebih terangkum dan teragih memandangkan pembangunan pesat sekarang lebih tertumpu di Wilayah Tengah, meliputi WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, dan Selangor. Sebagai contoh, dalam WKB, Kerajaan mensasarkan nisbah pendapatan antara Wilayah Timur dan Wilayah Tengah dirapatkan daripada 2.7 kepada 2.0 menjelang 2030. Walaupun menangani jurang pendapatan mengambil masa, Kerajaan tetap komited untuk merapatkan jurang tersebut dalam masa 10 tahun yang akan datang.
3. Dalam tempoh terakhir Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan telah diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Bagi tahun 2020, negeri-negeri tersebut telah pun diperuntukkan sejumlah RM13.5 bilion iaitu 24 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan bagi melaksanakan sebanyak 315 projek baharu dan 2,023 projek sambungan melalui pelbagai kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menetapkan bahawa pendapatan isi rumah terdiri daripada empat punca, iaitu pendapatan daripada pekerjaan sama ada pekerjaan bergaji atau bekerja sendiri, pendapatan daripada harta dan pelaburan yang dimiliki dan pindahan semasa. Berdasarkan HIES & BA 2019, pendapatan isi rumah daripada sumber pendapatan bergaji adalah sebanyak 61.6 peratus.

5. Beberapa usaha telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan jurang pendapatan dapat dikurangkan selaras dengan perkembangan harga semasa. Sebagai contoh, pelaksanaan gaji minimum. Berdasarkan Seksyen 25, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (Akta 732) kajian semula gaji minimum perlu dilaksanakan setiap 2 tahun sekali. Sejak 2016 sehingga 2019, kadar gaji minimum telah disemak semula sebanyak 3 kali. Semakan pertama berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 adalah untuk meningkatkan gaji minimum di Semenanjung Malaysia daripada RM900 ke RM1,000 manakala di Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan pula daripada RM800 ke RM920. Semakan kedua pada tahun

2018 adalah untuk menyeragamkan gaji minimum di antara Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan kepada RM1,100. Penyeragaman ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019. Semakan ketiga pada tahun 2019 pula bertujuan untuk meningkatkan gaji minimum kepada RM1,200 di bandar utama melibatkan 16 majlis bandaraya terdiri daripada 14 ibu negeri, Kuala Lumpur dan Bandar Iskandar Puteri serta 40 majlis perbandaran yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 2020. Semakan ini adalah untuk membantu pekerja menampung peningkatan kos sara hidup. Ketiga-tiga semakan gaji minimum tersebut sedikit sebanyak berjaya mengurangkan jurang gaji antara wilayah terutamanya melalui proses penyeragaman.

6. Selain itu, bagi menambah baik struktur gaji pekerja di negara ini, khususnya kepada pekerja tempatan, beberapa inisiatif telah digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Pampasan pekerja kepada KDNK telah ditetapkan sasarannya daripada 33.6% pada tahun 2013 kepada 38% pada tahun 2020, setanding dengan negara berpendapatan tinggi. Kerajaan juga telah menerbitkan Indeks Gaji Kebangsaan mulai 2019 bagi memberi panduan tentang gaji yang sewajarnya berdasarkan jenis pekerjaan.

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pekali Gini merupakan salah satu cara untuk mengukur ketaksamarataan pendapatan dalam kalangan rakyat. Penemuan HIES & BA 2019 menunjukkan nilai pekali Gini telah meningkat kepada 0.407 daripada 0.399 pada tahun 2016. Perkara ini berlaku antaranya disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang sederhana dan perbezaan pertumbuhan pendapatan dalam pelbagai sektor ekonomi. Faktor yang sama juga telah menyebabkan kadar kenaikan pendapatan isi rumah B40 menyederhana berbanding tahun 2016.

8. Kerajaan memandang serius mengenai isu berkaitan jurang pendapatan dan akan merangka strategi dan inisiatif untuk mengelak daripada ianya terus melebar. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus berusaha dengan perancangan yang mantap untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta kesejahteraan isi rumah B40 terutamanya isi rumah miskin dan berpendapatan rendah melalui pendekatan berikut:

NO. SOALAN : 36

- a. Pertama, menyediakan program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan mendapat pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi dengan membina kapasiti dan keupayaan;
 - b. Kedua, menambahbaik akses kepada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan;
 - c. Ketiga, menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan untuk menjana pendapatan dengan menceburi bidang perniagaan; dan
 - d. Keempat, meningkatkan sistem perlindungan sosial dengan mewujudkan satu rangka kerja sistem perlindungan sosial yang bersepadau dan komprehensif.
9. Kerajaan yakin dan percaya bahawa usaha Kerajaan untuk merapatkan jurang pembangunan dan pendapatan merentasi wilayah dan negeri serta penduduk luar bandar dan bandar akan tercapai melalui pelaksanaan WKB. Dasar dan strategi serta pelan tindakan berkaitan sedang giat dirangka oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan akan dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) pada tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.